

# Kenangan manis Sukan Asia



**TERBAIK DI BENUA:** Perenang Jepun Rikako Ikee (*tengah*) ditabalkan sebagai atlit terbaik di Sukan Asia ke-18. Ikee, 18 tahun, memenangi lapan pingat di Jakarta, termasuk enam pingat emas. – Foto REUTERS



**JUARA BANGKIT:** Joseph Schooling, juara Olimpik tunggal negara, sekali lagi mengharumkan nama Singapura di arena sukan dunia. Beliau memenangi dua pingat emas dalam acara peribadi dan membantu pasukan renang Team Singapore memenangi dua pingat perak dalam acara berganti-ganti. – Foto AFP



**PENCAPAIAN BAIK:** Pesilat negara Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin (*kanan*) cuba menendang lawannya Aji Bangkit Pamungkas dari Indonesia di final acara silat Kelas I (85-90)kg. Sheik Ferdous tewas 0-5 kepada pesilat dari pasukan tuan rumah, tetapi beliau mencatat sejarah sebagai pemenang pingat perak acara tanding pertama negara di Sukan Asia. – Foto SNOG



**HINGGA JUMPA LAGI:** Kapten pasukan bola keranjang Korea Bersatu Lim Yung-hui (*kiri*) mengucapkan selamat jalan kepada rakan sepasukan Kim Hye-yon, dari Korea Utara. Korea Utara dan Korea Selatan bertanding sebagai satu pasukan dalam acara bola keranjang di Sukan Asia ke-18. Pasukan Korea Bersatu wanita memenangi pingat perak. Walau Korea Selatan dan Korea Utara belum berdamai secara rasmi, arena sukan sering dijadikan wadah menjalin hubungan lebih mesra antara kededua negara. – Foto EPA

**RIANG:** Pemain bola sepak Korea Selatan Son Heung-min tidak dapat membendung kegembiraan di wisel penamat final acara bola sepak di Bogor dan berlari ke arah rakan sepasukannya di padang. Korea Selatan memenangi pingat emas selepas mengalahkan Jepun 2-1 di final. – Foto AFP



**Which Upcoming BTO should I buy?**

SRX.com.sg

- Upcoming BTO Launches
- BTO Pricing Forecast
- BTO news
- Past BTO Launches
- BTO Buying Guide

[srx.com.sg/hdb/BTO](http://srx.com.sg/hdb/BTO)